



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

ISU PENGANTUNAN KANAK-KANAK DAN KANDUNGAN LUCAH MELALUI MEDIA SOSIAL

Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab ke atas kesejahteraan dan pembangunan kanak-kanak di negara ini, saya ingin merujuk kepada kes dakwaan pengantunan kanak-kanak dan kandungan lucah melibatkan 2 orang mangsa kanak-kanak lelaki berumur 14 dan 15 tahun melalui Instagram *live* yang dilaporkan di media baru-baru ini. Perkara tersebut didakwa telah dilakukan oleh seorang ahli perniagaan yang juga merupakan pengasas produk kosmetik pada awal pagi 9 Jun 2021 yang lalu. Pengasas produk kosmetik tersebut telah ditahan reman bersama rakannya berhubung dakwaan membuat komunikasi lucah dan amang seksual dengan dua kanak-kanak berkenaan. Selain itu, kanak-kanak ini juga dikatakan telah diajar tentang penggunaan rokok elektronik atau *vape* dan bahan terlarang lain.

Selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001 dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpendirian tegas bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun perlu dilindungi daripada sebarang bentuk eksploitasi, terutamanya eksploitasi seksual.

Kes tersebut sedang dalam tindakan siasatan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak Bukit Aman (D11), Jabatan

Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM). Perbuatan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) dan amang seksual bukan fizikal adalah kesalahan jenayah di bawah seksyen 11, 12 dan 15, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017. Sekiranya disabitkan kesalahan, pelaku boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun, denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan juga boleh dikenakan hukuman sebat.

Semalam saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Tindakan Bersepadu Pengurusan Isu-Isu Sosial Kanak-Kanak di Media Sosial** bersama pelbagai pihak termasuklah **Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** untuk merangka inisiatif dan tindakan untuk membendung isu-isu seperti ini pada masa depan.

Antara perkara-perkara yang telah diputuskan di dalam mesyuarat ini adalah:

- i) **Lebih banyak program *child awareness campaign*** akan **dilaksanakan** dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), PDRM dan lain-lain untuk menghasilkan video - video kesedaran pencegahan jenayah terhadap kanak-kanak bagi tayangan umum;
- ii) Perlunya akta perundangan dengan hukuman **yang lebih berat** bagi kesalahan-kesalahan eksploitasi kanak-kanak terutamanya kepada pesalah-pesalah yang merupakan *public figure* yang berpengaruh;

- iii) **Merancang dan melaksanakan tindakan pencegahan yang lebih pantas melalui platform dalam talian untuk mengekang sebarang aplikasi/permainan dalam talian/laman web dan lain-lain yang mempunyai unsur eksploitasi dan jenayah terhadap kanak-kanak; dan**
- iv) **Melaksanakan kempen atau penerangan yang lebih jelas, sesuai dan berkesan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan kanak - kanak melalui pelbagai medium.**

Tinjauan Pendapat Bulan Keluarga Kebangsaan yang dilaksanakan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 2020 juga mendapati **tahap kesedaran kawalan ibu bapa terhadap penggunaan internet anak – anak menurun daripada 62.5% pada tahun 2018 kepada 53.3% pada tahun 2020.** Saya menyeru para ibu bapa untuk memainkan peranan penting memastikan pengawasan dan **kawalan terhadap kanak – kanak terutamanya terhadap penggunaan gajet** anak – anak. Antara kawalan terhadap penggunaan gajet oleh kanak – kanak yang boleh dilaksanakan ibu bapa adalah melalui ***parenting tools* atau aplikasi berkaitan keibubapaan dalam talian** sedia ada yang boleh dipercayai dan dimuat turun menerusi *Google Play* dan *Apple Store*.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga akan mengambil tanggungjawab untuk memastikan kebajikan mangsa kanak-kanak tersebut terpelihara dengan menyediakan bimbingan untuk memupuk kesedaran dan memberikan sokongan psikososial yang bersesuaian. Mangsa kanak-kanak yang terlibat juga akan diberikan bantuan berbentuk panduan modifikasi tingkah laku dan akan dibekalkan dengan bahan-bahan Program

Psikopendidikan yang mengandungi maklumat seperti pengetahuan berkaitan Kesihatan Reproduksi.

Di kesempatan ini, saya menyeru semua golongan masyarakat untuk turut sama memainkan peranan masing-masing bagi memupuk kesedaran dalam kalangan orang dewasa dan juga kanak-kanak terhadap kesalahan-kesalahan eksploitasi dan jenayah terhadap kanak-kanak. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam yang telah membuat laporan polis berhubung kes viral ini.

Saya turut menghargai komitmen yang diberikan oleh wakil-wakil agensi Kerajaan dan NGO-NGO yang dapat hadir dalam mesyuarat pada hari ini. Perbincangan dan pelaksanaan tindakan berterusan akan disusuli supaya kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak sentiasa terpelihara.

Saya memohon masyarakat awam untuk segera membuat laporan kepada pihak PDRM ataupun Talian Kasih 15999 apabila mengetahui atau mengesyaki apa-apa kes eksploitasi kanak-kanak melalui media sosial.

Saya juga menyeru masyarakat supaya tidak menularkan video tersebut demi menjaga identiti kanak-kanak yang terlibat dan mengelakkan mereka menjadi mangsa buli siber. Bersama-sama kita pastikan kanak-kanak kita dilindungi dan selamat di laman media sosial dan di dalam talian secara amnya.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

16 Jun 2021